

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 7/1981

BORANG JADUAL 9 BARU MENGGANTIKAN KN.TANAH 1
(CABUTAN DARI HAKMILIK)

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan telah memberi persetujuan supaya dipinda Jadual 9 daripada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan, 1966 bagi tujuan menggantikannya dengan Jadual 9 yang baru, berkuatkuasa mulai 1.1.1982. Satu Warta Kerajaan bagi tujuan tersebut sedang dalam proses percetakan dan akan disiarkan dalam Warta Kerajaan keluaran yang akan datang.

2. Borang Jadual 9 yang baru telah ada dalam simpanan (Stok) di Setor Pejabat SUK. Oleh yang demikian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah diminta membuat pesanan terus kepada Pejabat SUK untuk mendapatkan borang-borang baru yang tersebut bagi digunakan oleh pejabat masing-masing mulai 1.1.1982, menggantikan Borang Kn.Tanah 1 (Cabutan dari Hakmilik) yang digunakan sekarang ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menurut perintah,

t.t

(Mohd Shukri Bin Dato' Ahmad Maher)
b/p PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,KOTA BHARU.**

**PTG.KN.765 JLD.VI(22);
PTG.KN.(S) 365 JLD.4(7)**

Bertarikh: 21hb. Disember, 1981.

Kepada :

Semua Pemungut Hasil Tanah
KELANTAN.

Salinan Kepada :

1. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan, Kota Bharu.
2. Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Kelantan, Kota Bharu
3. YABrs. Bendahari Negeri Kelantan, Kota Bharu.
4. YABrs. Ketua Cawangan Odit, Kelantan, Kota Bharu.